

# Kampung Baru perlu dimajukan

BH 17 FEB 1991

Oleh HAJI AMIR HASHIM

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak puas hati terhadap pembangunan infrastruktur Kampung Baru, berasaskan kepada kedudukannya sebagai sebuah kampung Melayu tradisional di tengah bandaraya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membangunkan sebahagian kampung itu mengikut perancangan terperinci berdasarkan pelan sedia ada.

Bercakap kepada pemberita selepas melakukan lawatan mengejut dua jam di sekitar Kampung Baru di sini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Kampung Baru perlu dibangunkan segera bagi membolehkan orang Melayu hidup lebih selesa.

Perdana Menteri ialah Pengerusi Jawatankuasa Pemulihan Kampung Baru.

Menurut Perdana Menteri, tujuan lawatannya hanya untuk melihat keadaan sebenar kampung itu sebelum projek pembangunan dilaksanakan.

Menjawab soalan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Jika orang ramai puas hati dengan keadaan Kam-

pung Baru sekarang, kita tidak payah laksanakan apa-apa projek lagi."

Sementara itu, Datuk Bandar Tan Sri Elyas Omar yang turut hadir berkata, Perdana Menteri mengarahkan DBKL membangunkan sebahagian Kampung Baru mengikut perancangan asal dengan serta merta.

"Bagaimanapun, kita akan membuat kajian terperinci sebelum projek pembangunan dilaksanakan, termasuk mengenai keupayaan orang Melayu di kampung itu," katanya.

Beliau berkata, sesetengah tempat di kampung berkenaan akan dibina beberapa bangunan membabitkan kawasan perumahan, tempat perniagaan dan rekreasi.

"Ini akan memberi kemudahan kepada jabatan dan agensi kerajaan serta swasta menyewa ruang pejabat di situ," katanya.

Menurut Tan Sri Elyas, Perdana Menteri juga tidak puas hati dengan keadaan infrastruktur Kampung Baru, terutama kawasan perumahannya yang sesak.

"Keadaan itu tidak melambangkannya sebagai sebuah kampung Melayu tradisional walaupun kedudukannya di tengah bandar Kuala Lumpur," katanya.